

AVICET SYRUP 0.1% W/V

Cetirizine Hydrochloride 1mg/1ml

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Avicet Syrup
2. Bagaimana Avicet Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Avicet Syrup
4. Cara menggunakan Avicet Syrup
5. Semasa menggunakan Avicet Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

1. Apakah kegunaan Avicet Syrup
Avicet Syrup digunakan untuk merawat orang dewasa dan kanak-kanak 2 tahun dan ke atas yang mempunyai demam alergi (rhinitis alergi bermusim) seperti debu atau alahan haiwan (rinitis alergi perennial) dan urtikaria (bengkak, kemerahan dan kegatalan kulit).

2. Bagaimana Avicet Syrup berfungsi

Bahan aktif ubat ini adalah cetirizine. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa tindak balas alergi.

3. Sebelum menggunakan Avicet Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda:

- hipersensitif terhadap cetirizine, hydroxyzine, piperazine atau mana-mana bahan kandungan lain seperti yang dinyatakan pada akhir risalah ini.
- mempunyai masalah buah pinggang teruk (pembersihan kreatinin kurang daripada 15ml/min).
- ibu yang menyusu

Kanak-kanak

Tidak disarankan digunakan pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

- Sebelum mula mengguna

Anda perlu menyemak dengan doktor anda jika anda mempunyai:

- masalah buah pinggang sederhana atau teruk.
- kesukaran membuang air kecil.
- sawan

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusu kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko.

Tiada bukti mencukupi yang menunjukkan penggunaannya adalah selamat dalam tempoh kehamilan ibu mengandung ataupun tahap kesuburan. Langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila menyusukan anak kerana cetirizine meresap ke dalam dalam susu ibu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada interaksi yang dikenali dengan ubat lain. Walau bagaimanapun, cetirizine harus digunakan dengan berhati-hati jika mengambil bersama alkohol atau agen depresi sistem saraf pusat (CNS) yang lain.

4. Cara menggunakan Avicet Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil ubat ini tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda menetapkan.

Pengambilan oral.

Kanak-kanak berumur di antara 2 hingga 6 tahun: Ambil 2.5ml (2.5mg larutan oral) dua kali sehari.

Kanak-kanak berumur di antara 6 hingga 12 tahun: Ambil 5ml (5mg larutan oral) dua kali sehari.

Kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke atas: Ambil 10ml (10mg larutan oral) satu kali sehari.

Dewasa: Ambil 10 ml larutan oral sekali sehari. Dos permulaan 5ml larutan oral boleh dicadangkan jika jika ini mencapai kawalan simptom-simptom yang memuaskan.

Larutan boleh ditelan begitu sahaja. Jangan ambil lebih daripada 10 ml setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan ubat ini apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil ubat ini untuk tempoh yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Symptom pengambilan dos berlebihan termasuk depresi pada sistem saraf pusat (CNS), kekeliruan, cirit-birit, pening, keletihan, sakit kepala, lesu, anak mata mengembang, gelisah, sedatif, mengantuk sampai boleh membawa seseorang ke koma, kebas, kadar dengupan jantung cepat, menggigil dan kesukaran untuk mengeluarkan air kencing.

5. Semasa menggunakan Avicet Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

AVICET SYRUP 0.1% W/V

Cetirizine Hydrochloride 1mg/1ml

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ubat ini.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi ubat ini dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini membuat anda berasa mengantuk, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Elakkan pengambilan alkohol.

6.Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, tetapi bukan setiap orang mengalami mereka. Kesan sampingan berikut amat jarang berlaku, tetapi anda mesti berhenti mengambil ubat ini dan berjumpa dengan doktor anda dengan segera jika anda mendapati gejala ini:

-Reaksi alahan yang teruk termasuk ruam, kegatalan dan demam, bengkak pada kerongkong, muka, kelopak mata atau bibir. Reaksi ini mungkin berlaku tidak lama selepas anda mula mengambil ubat ini, atau ia mungkin berlaku kemudian.

Kesan-kesan sampingan berikut juga telah dilaporkan.

Kesan-kesan sampingan lazim (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10 orang):

- Keletihan, mengantuk
- Sakit abdomen
- Sakit kepala
- Pening
- Mulut kering

- Sakit tekak
- Loya
- Simptom-simptom selepas (kanak-kanak sahaja)
- Cirit-birit (kanak-kanak sahaja)

Kesan-kesan sampingan tidak lazim (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang):

- Gatal dan ruam
- Kesemutan atau berasa kebas pada tangan atau kaki
- Cirit-birit
- Rasa gelisah
- Rasa lemah atau tidak sihat secara amnya

Kesan-kesan sampingan jarang-jarang sekali berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1000 orang):

- Hipersensitif
- Denyutan jantung yang pantas
- Edema (bengkak menyeluruh disebabkan oleh penahanan air)
- Keputusan ujian fungsi hati yang tidak normal (doktor anda tahu apa langkah yang harus diambil)
- Sawan
- Peningkatan berat badan
- Keagresifan, kekeliruan, kemurungan, halusinasi (mendengar atau melihat benda), tidak dapat tidur
- Urtikaria (gatal-gatal)

Kesan-kesan sampingan sangat jarang-jarang sekali berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10,000 orang):

- Bilangan platelet dalam darah yang rendah
- Reaksi alahan yang serius
- Penglihatan kabur, kesukaran memfokuskan
- Putaran mata yang tidak terkawal
- Gangguan deria rasa dalam mulut
- Pengsan
- Kencing tidur, sakit dan/atau kesukaran membuang air
- Geletar, tik (pergerakan tubuh yang tidak terkawal)

- Pergerakan luar kawalan anggota badan
- Kekejangan otot
- Reaksi alahan yang serius yang menyebabkan bengkak pada muka atau tengkuk
- Ruam kecil yang bengkak dan kemerahan pada kulit

Kesan-kesan sampingan tidak diketahui

- Peningkatan selera makan
- Mimpi ngeri
- Gayat
- Inflamasi hati (hepatitis)
- Ruam yang kulit yang bernanah
- Sakit sendi
- Sekatan kencing (kesukaran membuang air kecil)
- Kulit berasa gatal bila pengambilan dihentikan

Sesetengah kes hilang ingatan dan/atau kecelakaan juga turut dilaporkan.

Dalam kes-kes yang sangat luar biasa, ada pesakit yang terfikir untuk membunuh diri dan jika anda berasa sebegini, berhenti mengambil ubat ini dan jumpa doktor anda. Jika anda mendapat mana-mana kesan sampingan, beritahu doktor atau ahli farmasi atau jururawat anda. Ini termasuk sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai di risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

7.Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan bawah 30°C.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak

AVICET SYRUP 0.1% W/V

Cetirizine Hydrochloride 1mg/1ml

diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

8. Maklumat lanjut

-Rupa and warna produk

Ia adalah sirap jernih dan tidak berwarna dengan perisa pisang.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Cetirizine hydrochloride

Bahan-bahan tidak aktif:

Purified water, sorbitol, perisa pisang, Methyl paraben, Saccharin sodium, Glycerine, Sodium acetate, glacial acetic acid

-Nombor MAL

MAL24056088AZC

9. Pengilang

AV Manufacturing Sdn. Bhd.

(667760-v)

Lot 10621 (PT16700), Jalan

Permata 2, Arab Malaysian Industrial Park, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

10. Pemegang pendaftaran produk

Advance Pharma Sdn Bhd (539885-W)

28, Jalan BP6/6, Bandar Bukit

Puchong, 47120 Puchong, Selangor.

11. Tarikh kemaskini RiMUP

30 Ogos 2024

12. Nombor Siri

NPRA(R2) 23/153